

18/06/2000

Dr Ling jelaskan isu letak jawatan

Ebi Azly Abdullah; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Akhirnya Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik membuka mulut untuk meleraikan masalah peribadi hingga mendorong beliau menyatakan hasrat meletakkan jawatan dalam Kabinet.

Beliau mengakui tekanan berhubung jumlah pemimpin kanan parti dalam Kabinet, sebagai faktor utama yang membawa kepada perselisihan faham di antara beliau dengan Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, selain perselisihan berkenaan, penyebaran khabar angin mengenai kedudukan keluarganya turut menambah tekanan, menyebabkan beliau mahu meletakkan jawatan dalam Kabinet.

Dalam ucapan dasar Presiden dalam bahasa Mandarin, beliau melahirkan rasa sedihnya apabila Lim, yang disifatkannya sebagai rakan baik, turut mempersoalkan isu kedudukan wakil MCA dalam Kabinet.

Dr Ling berkata, perselisihan faham dengan Lim itu bermula sejak Pilihan Raya Umum tahun lalu lagi.

"Saya sudah memikirkan berkali-kali dan saya berpendapat, semua masalah ini timbul kerana kita memiliki empat Naib Presiden dengan prestasi baik, tetapi hanya tiga menteri Kabinet," katanya dalam ucapan yang penuh emosional pada Perhimpunan Agung MCA ke-47 di Wisma MCA, di sini semalam.

Ini adalah kali pertama Dr Ling membuat pengakuan terbuka berhubung punca sebenar masalah yang menyebabkan beliau mahu meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan, yang kemudiannya ditarik balik.

Ucapan Presiden MCA itu disambut dengan tepukan gemuruh oleh perwakilan, tetapi ada juga yang mengejek pemimpin berkenaan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan persidangan itu.

Pada pemilihan parti tahun lalu, Datuk Dr Fong Chan Onn memperoleh undi tertinggi untuk jawatan Naib Presiden, diikuti Datuk Chua Jui Meng, Datuk Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy.

Kecuali Chan yang hanya menjadi Timbalan Menteri Kewangan, ketiga-tiga pemimpin MCA lain itu dilantik menteri Kabinet penuh dan disifatkan sebagai 'pemimpin pilihan' Dr Ling.

Dr Ling mengulangi pendiriannya dengan memilih Chan sebagai calon paling sesuai untuk menggantikan beliau sebagai Menteri Pengangkutan.

"Memandangkan saya sudah memegang jawatan Kabinet selama lebih 14 tahun, saya berpendapat saya adalah orang terbaik untuk meletakkan jawatan dan memberi laluan kepada Chan," katanya.

Beliau juga berkata, pelbagai khabar angin disebarikan oleh pihak tidak bertanggungjawab selepas pengumumannya untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

"Ada pihak mendakwa saya dipaksa oleh Perdana Menteri untuk meletakkan jawatan... ada pula mengatakan kerana masalah peribadi dan berhubung kait dengan isu (Datuk) Soh Chee Wen.

"Saya percaya semua khabar angin itu dan peristiwa yang menyusulnya, dirancang oleh pihak tertentu untuk mencemarkan imej dan nama baik saya," katanya.

Dr Ling memberi jaminan akan menghadapi semua khabar angin yang tidak berasas itu, serta mengambil tindakan tegas untuk memulihkan nama baik dan kestabilan parti.

"Saya tidak akan lari daripada tanggungjawab yang dipikul. Saya akan terus memimpin parti MCA untuk menghadapi sebarang cabaran," katanya.

(END)

